



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **WALKABOUT YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR KE PROGRAM TP-1MALAYSIA DI FLAT SEROJA SEKSYEN 2, WANGSA MAJU**

**KUALA LUMPUR, 12 Mei 2012** – YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini mengadakan *Walkabout* ke Program TP-1Malaysia di Flat Seroja Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyerahkan pemberian balik lebih sumbangan TP 1Malaysia kepada Perbadanan Pengurusan (MC) Flat Seroja, Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur sebanyak **RM17,611.60** iaitu 10% daripada dana TP 1Malaysia yang telah disumbangkan oleh MC tersebut berdasarkan kiraan akhir.

2. Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012, YB Menteri WPKB mengumumkan pengurangan kadar "*matching grant*" yang perlu disumbangkan oleh JMB/MC/Persatuan Penduduk. Ini bermakna kadar sedia ada yang ditetapkan **80:20** telah diberi potongan khas kepada **90:10** iaitu **sembilan puluh peratus (90%) peruntukan dari Tabung TP-1 Malaysia** dan hanya **sepuluh peratus (10%) dari tabung JMB/MC/Persatuan Penduduk** bagi Perumahan Kos Rendah Swasta.

3. Selain itu, kadar sedia ada bagi **kawasan perumahan kos sederhana rendah swasta** pula diturunkan daripada **60:40** kepada **70:30**, iaitu **tujuh puluh peratus (70 %) daripada dana Tabung TP-1Malaysia** dan **tiga puluh peratus (30 %) adalah daripada JMB / MC / Persatuan Penduduk**. Justeru itu, berdasarkan kiraan akhir, didapati bahawa sumbangan Perbadanan Pengurusan Flat Seroja tersebut telah melebihi dari

yang sepatutnya dan perlu dikembalikan. Melalui inisiatif ini, pihak kerajaan telah dapat membantu meringankan beban masyarakat setempat dalam menyelenggarakan kediaman mereka tanpa melepaskan tanggungjawab kepada Kerajaan sepenuhnya.

4. YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin juga menyampaikan sumbangan wang tunai **RM 100.00** setiap seorang kepada **10 orang** warga Flat Seroja yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU. Beliau turut meninjau kerja-kerja mengecat dan penyelenggaraan di kawasan tersebut yang sedang dilaksanakan.

5. Penubuhan TP-1Malaysia ini adalah satu medium yang sangat berkesan dalam membantu masyarakat dari segi **penyelenggaraan lif, penyelenggaraan tangga, penyelenggaraan bumbung, mengecat bangunan, membaiki kerosakan yang membahayakan penghuni dan kerosakan lain** demi kesejahteraan rakyat dalam mempunyai kemudahan dan keselesaan kehidupan. Tidak dapat disangkal lagi, kewujudan TP-1Malaysia ini dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang ke arah kesejahteraan bandar raya Kuala Lumpur khususnya dalam menjadikan suasana bandar yang lebih ceria, bersih, dan indah.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

12 Mei 2012  
KUALA LUMPUR

**PENERIMA SUMBANGAN DARI YAYASAN WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN SEMPENA MAJLIS WALKABOUT PROGRAM TP-**  
**1MALAYSIA DI FLAT SEROJA SEKSYEN 2,WANGSA MAJU**  
**PADA 12 MEI 2012**

BIL	NAMA	NO.K/P	CATATAN
1	CHUA THAM	160406-71-5368	CINA/WARGA EMAS
2	M.SHANMUGAM	300710-71-5321	INDIA/WARGA EMAS
3	WONG PENG	301001-10-5082	CINA/WARGA EMAS
4	THERESA A/P VELLU	360112-10-5368	INDIA/WARGA EMAS
5	LOONG FOOT KWAN@LOONG YEE KWAN	381004-10-5363	CINA/WARGA EMAS
6	RAJA AHMAD BIN RAJA MANSOR	390306-10-5419	MELAYU/WARGA EMAS
7	RUVAIDAH BT KASSIM	400807-71-5094	MELAYU/WARGA EMAS
8	TAN CHU	401125-10-5058	CINA/WARGA EMAS
9	MOHAMMAD JAAFAR BIN MD MIA	420722-02-5367	MELAYU/WARGA EMAS
10	JAYARAJU A/L JOSEPH	470912-10-5339	INDIA/OKU

\*\*\* warga emas – 9 orang

\*\*\* OKU – 1 orang

**TEMPAT:**

**FLAT SEROJA, SEKSYEN 2 WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR**

**SKOP PENYELENGGARAAN:**

- MENGECAT SEMULA BAHAGIAN-BAHAGIAN LUAR/KAWASAN GUNASAMA BLOK PERUMAHAN, SEMUA DINDING DAN SILING KAWASAN KAKILIMA, TANGGA DAN RAILING, KESELURUHAN BAHAGIAN LUAR DINDING DAN SILING BALKONI, SALUR AIR HUJAN, KESEMUA PINTU MASUK, BILIKSERVIS.
- MEMBAIK PULIH *GUTTER* YANG ROSAK DAN MENGANTI BARU *DOWN PIPE*.

**CIRI BANGUNAN:**

**12 BLOK BANGUNAN (4 TINGKAT)**

**HARGA SEBUT HARGA:**

**RM 798,884.04**

**SUMBANGAN MC:**

**RM97,500.00**

**LEBIHAN SUMBANGAN:**

**RM 17,611.60**

**PENGERUSI:**

**EN. LIM CHENG HOCK**

**(016 680 2335)**

